

# PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) PERINGKAT KEMENTERIAN PERTAHANAN

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/1811-penayampaian-anugerah-perkhidmatan-cemerlang-apc-peringkat-kementerian-pertahanan](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/1811-penayampaian-anugerah-perkhidmatan-cemerlang-apc-peringkat-kementerian-pertahanan)

KUALA LUMPUR, 17 Apr 17 – Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2016 telah diadakan di Dewan Perkasa, Wisma Perwira hari ini. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Y.B. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein. Dalam majlis tersebut, seramai 468 orang penerima APC terdiri daripada 17 Pegawai TUDM dan 11 Anggota Lain-lain Pangkat TUDM.

Majlis ini diadakan bagi mengiktiraf dan menghargai Warga Kementerian Pertahanan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2016 di dalam jawatan dan bidang masing-masing. Semua penerima APC menerima Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah prestasi berjumlah RM1000.00 yang diberikan dalam bentuk Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional.



